HAL EHWAL SEMASA...

Asean—jambatan selesai masalah ekonomi dunia

'Gabungan kekuatan negara-negara itu akan menambahkan imbangan yang agak besar dari segi keseluruhan sumber yang patut diguna untuk pembangunan'

■ TAN SRI GHAZALI

'Dialog yang ASEAN adakan dengan negara-negara bukan anggota dianggap sebagai suatu forum bagi penggalakan hubungan untuk dagangan dua hala'

MENTERI Luar, Tan Sri Ghazali Shafie menyarankan ASEAN diguna sebagai jambatan bagi dialog yang berlangsung sekarang untuk menyelesaikan isu-isu ekonomi antarabangsa.

Katanya, walaupun kedudukan kolektif ASEAN dalam dialog utara-selatan secara keseluruhannya masih tidak kukuh, pertubuhan itu boleh menjadi jambatan bagi menjalankan peranannya dalam hubungan kerjasama ekonomi dan teknik di kalangan negara-negara asas membangun serta sistem baru ekonomi antarabangsa.

Menteri Luar yang kini berada di Amerika Syarikat berucap di satu persidangan mengenai 'ASEAN — Hari Ini dan Esok' di Pusat Pengajian Undang-undang dan Diplomasi Fletcher di Boston. Teks ucapannya dikeluarkan oleh Wisma Putra, Kuala Lumpur.

Katanya masa ini, perbincangan-perbincangan mengenai isu-isu ekonomi antarabangsa menuju ke arah satu penyelesaian yang mana konsep sistem ekonomi antarabangsa adalah satu kesalahan penafsiran kepada keadaan sebenar yang dihadapi oleh dunia.

Beliau berpendapat istilah dialog utara-selatan bukan saja membayangkan sikap konfrontasi tetapi pendekatan untuk menyelesaikan masalah itu setakat ini nampaknya tidak menginginkan kedudukan negara-negara yang berada di tengah.

Katanya, gabungan kekuatan negara-negara itu akan menambahkan imbangan yang agak besar dari segi keseluruhan sumber yang patut digunakan untuk pembangunan antarabangsa.

Menteri itu berkata, dialog yang ASEAN adakan dengan negara-negara bukan anggota dianggap sebagai suatu forum bagi penggalakan hubungan perdagangan dua hala di samping sebagai perundingan untuk mendapatkan bantuan kewangan dan teknikal.

Beliau mengecam walaupun dialog-dialog itu boleh dihujahkan sebagai belum menelurkan hasil yang mengkagumkan, ASEAN akan meneruskannya dengan harapan ia lama kelamaan akan dapat meyakinkan negara-negara itu berhubung dengan ketidak-setaraan yang kini wujud antara pertubuhan itu dengan negara maju yang lain atau pertubuhan serantau yang lain.

Ketidak-setimpalan ini wujud dalam pengagihan sumber seperti bahan mentah, modal dan teknologi.

Beliau mengingatkan dunia maju, sistem perdagangan bebas akan menikmati faedah menerusi mengadakan kerjasama bersama yang menguntungkan dan bukan menerusi langkah-langkah perlindungan.

"Sebaliknya perdagangan bebas akan hancur jika kerjasama scumpama itu tidak diwujudkan kerana ia pasti menimbulkan pertikaian antara mereka yang berada dengan mereka yang tidak berada.

Peringatan

"Akibah dari ini ialah perlunya usaha untuk memperluaskan pasaran atau asas pengguna bagi membolehkan perdagangan bebas terus maju," tegasnya.

Tan Sri Ghazali berkata, pengalaman ASEAN dengan rakan-rakan perdagangan bebas yang lebih maju memaksa beliau menyuarakan peringatan bahawa untuk membolehkan perdagangan bebas terus maju, adalah penting bagi semua anggota kanan sistem itu supaya memikul kewajipan yang lebih serius untuk bersama-sama menyokong pertumbuhan sistem tersebut.

Ini adalah penting bagi memupuk dan menyokong masyarakat-masyarakat ke arah berdaya maju di rantau-rantau membangun di dunia ini.

Beliau memberi amaran sebarang tindakan atau pengenepian, sama ada secara sengaja atau tidak, di pihak negara maju untuk menyekat pengaliran bebas bahan-bahan keluaran perdagangan bebas dari satu rantau ke rantau yang lain akan merugikan diri sendiri dan akan menghancurkan harapan dan kepercayaan negara membangun terhadap sistem perdagangan bebas.

Beliau berkata, dalam usaha-usaha untuk mendekati negara-negara ketiga, ASEAN didorongkan dengan niat yang bersungguh-sungguh untuk bersama-sama membantu dalam penggalakan perdagangan bebas yang menurutnya merupakan pilihan yang paling menguntungkan bagi negara-negara membangun.

Terdahulu itu, Menteri itu mengulangi kebimbangan ASEAN terhadap kewujudan persaingan kuasa besar di Asia Tenggara dan pengaruh Rusia yang kian meningkat di Indochina.

Beliau berkata, ketika pemimpin-pemimpin Malaysia, Indonesia, Filipina, Singapura dan Negeri Thai bermesyuarat tahun 1967 untuk merasmikan penubuhan ASEAN, mereka sebenarnya berikrar untuk bersama-sama mengukuhkan dan memupuk sistem perdagangan bebas negara masing-masing.

Mereka percaya dengan berusaha sama mereka dapat menggunakan kekuatan sistem tersebut bagi menghasilkan ketahanan kebangsaan dan serantau yang boleh dijadikan sebagai tembok terhadap komunisme.

Dalam keadaan-keadaan beginilah, sekatan-sekatan dan campurtangan dikenakan oleh pimpinan politik semata-mata untuk tujuan pembentukan masyarakat seperti Dasar Ekonomi Baru Malaysia supaya dapat menggiatkan sistem perdagangan bebas, katanya.

Tan Sri Ghazali mengeskan adalah juga menjadi keyakinan pemimpin-pemimpin tersebut bahawa ASEAN boleh dijadikan tempat permuafaan bagi mereka mewujudkan satu susunan antarabangsa yang baru di Asia Tenggara berdasarkan kepada prinsip saling menghormati dan hidup bersama tidak mengira sistem-sistem sosio-ekonomi selagi mereka mematuhi peraturan-peraturan asas yang sama.

Penyelesaian

Dalam hubungan ini, beliau menyesali kecenggaan Moscow dan Hanoi untuk menyertai proses mencari penyelesaian politik yang berkekalan terhadap konflik Kampuchea.

Katanya, tujuan utama dalam usaha ASEAN untuk menyelesaikan masalah itu menerusi Bangsa-bangsa Bersatu dan dalam rangka kerja ZOPFAN ialah untuk mengusir persaingan China-Russia dari rantau ini.

Bagaimanapun, beliau menekankan ASEAN tidak berhasrat membawa Pol Pot untuk kembali berkuasa.

Usaha ASEAN, jelasnya, bertujuan menyediakan jalan untuk kemunculan satu Kerajaan yang mewakili semua pihak seperti yang dibayangkan dalam usul ASEAN di Bangsa-bangsa Bersatu mengenai Kampuchea.

Tan Sri Ghazali berkata, untuk mencapai matlamat-matlamat dalam usul tersebut, satu kuasa ketiga perlu muncul sebagai pihak yang dapat diterima untuk mewakili rakyat Kampuchea dalam dialog-dialog yang bermakna.

Merujuk kepada tanda-tanda yang ditunjuk oleh China kebelakangan ini sebagai menyokong cadangan itu, beliau berkata Rusia yang menyokong serangan Vietnam ke atas Kampuchea tidak pula menunjukkan keredaannya dalam menentang proses scumpama itu.

Beliau berpendapat Rusia haruslah sedar bahawa ia hanya boleh terus mengatasi China dalam hal ini jika Vietnam relā mengikut kehendaknya.

Pada masa yang sama, Vietnam harus sedar bahawa masa baginya adalah terlalu terhad.

Beliau meramalkan apabila bilangan kadar-Laos dan Kampuchea yang dilatih oleh Rusia mencukupi dan kembali ke negara masing-masing, faktor Vietnam akan menjadi tidak bermakna lagi kepada strategi Rusia dari segi Laos dan Kampuchea dan juga seluruh Asia Tenggara.

"Inilah gambaran masa depan yang Vietnam dan ASEAN harus mengambil kira," katanya.

"Bagi ASEAN dan Vietnam, peperangan yang berterusan di Kampuchea hanya akan mengguga kestabilan Asia Tenggara dengan China secara terbuka mengamalkan dasar menghidangkan ikan busuk dalam masakan masam manis," tambahnya.

Bahan asal dari Arkib Negara Malaysia